

Hubungan Harmonis dalam Novel *Negeri Lima Menara*

MUHAMMAD SALMAN PALEWAI, SITI RUGAYAH HJ.TIBEK, FARIZA MD. SHAM & ZULKEFLI AINI

ABSTRAK

Novel adalah sebagai media untuk menyampaikan nilai-nilai murni yang bersumber dari setiap aspek kehidupan manusia secara menyeluruh sama ada hubungan manusia dengan manusia, alam sekitar, makhluk-makhluk lain, begitu juga hubungan manusia dengan Allah. Artikel ini menegenahkan kajian novel Negeri Lima Menara karya A. Fuadi dengan memfokuskan pandangan pada dimensi hubungan sesama manusia. Sebagai karyawan tentu beliau mempunyai harapan dalam menonjolkan karyanya. Hal yang menjadi persoalan kajian adalah "Apa yang menjadi mesej utama penceritaan dalam dimensi hubungan sesama manusia?" Perkara tersebut adalah amat signifikan dalam rangka menentukan strategi dakwah dalam pengelolaan mesej khususnya yang menggunakan pendekatan seni, seperti pantun, cerpen, drama, dan lain-lain. Melalui metod kualitatif berdasarkan analisis kandungan, didapati bahawa beliau mengajak membina persaudaraan ukhuwah Islamiah tanpa melihat perbezaan mazhab, organisasi dan asal daerah. Beliau juga menggambarkan dampak psikologi terhadap orang yang memutuskan tali persaudaraan. Diharapkan kajian ini pula membuka wawasan untuk mengkaji dimensi lain yang terdapat dalam novel tersebut seperti tasawuf, politik, budaya dan lain-lain.

Kata kunci: novel Negeri Lima Menara, A. Fuadi, mesej hubungan harmonis

ABSTRACT

The novel acts as a medium to convey the values derived from the description of every aspect of human life as a whole either in terms of man's relationship to man, man's relationship with nature, human relationships with other creatures, as well as man's relationship with God. This article examines A. Fuadi's work, Negeri Lima Menara, a novel, focusing on the dimension of human relations. As a novelist he must have certain hope in his work. The research question of this study is "What is the main message in his work about human relations?" This aspect is very significant in determining the missionary strategy in the management of messages, especially the use of art, such as poem, short story, drama, etc. By using a qualitative method based on content analysis, it is found that the author asked to build Islamic brotherhood, ukhuwwah Islamiyah, without looking at the differences of sect, organisation and region of origin. He also illustrated the psychological impact on the people who breaks down the brotherhood. This study is also expected to bring more information to assess other dimensions contained in the novel such as sufism, politics, culture and others.

Key words: novel Negeri Lima Menara, A. Fuadi, harmonious relationship message

PENDAHULUAN

Novel merupakan salah satu karya dalam bentuk penceritaan. Ianya dikategorikan sebagai karya sastera. Sesebuah karya sastera menurut ajaran Islam tidak sahaja bermuatan seni tapi mestilah berpandukan nilai-nilai kebaikan dan kebenaran yang bersumber dari ajaran Ilahi. Dengan demikian kualiti novel bergantung kepada keadaan rohani, pewarnaan realiti pengarangnya. Karya sastera berkualiti serta mencerahkan nurani, murni hanya akan lahir dari tangan manusia yang "dicerahkan" dengan menghidupkan unsur-unsur kebaikan dan penyerahan diri kepada Allah S.W.T. Ahmad Othman menjelaskan seperti yang dirujuk Ungku Maimunah Mohd Tahir (2012: 451) bahawa

menurut Islam, sastera mesti bermatlamat, dan matlamatnya ialah menyampaikan ilmu yang benar. Lebih tegas disebutkan amalan menulis menuntut pertanggungjawaban untuk menyampaikan ilmu, dan ilmu yang dimaksudkan ialah ilmu yang benar. Tanpa pertanggungjawaban ini, sebuah karya menjadi amalan atau kegiatan menulis yang sia-sia. Senada dengan itu Mohd Faizal Musa (2012: 3) menyebutkan bahawa novel sebagai wasilah dakwah sehingga akan bernilai ibadah bagi penulisnya. Oleh itu setiap penulis mestilah berfikir untuk meninggalkan kesan yang baik serta menonjolkan hal-hal makruf dengan inti cerita dan sentiasa berada dalam lingkungan syariah sehingga dapat memberikan manfaat kepada masyarakat secara menyeluruh.

Dakwah melalui pendekatan seni dalam hal ini seni sastra yang berisi penceritaan merupakan satu wasilah yang boleh diterima ramai orang tanpa mengira umur, kerjaya dan tahap pendidikan. Sepertimana filem yang boleh digunakan sebagai media dakwah yang efektif kerana ianya mengandungi sebuah sketsa dan gambar di atas kanvas yang tidak hampa akan kandungan isi dan nilai agama (Rosmawati 2011: 74-75).

Salah satu novel yang cukup fenomena di Indonesia serta mendapat sambutan dari masyarakat iaitu novel Negeri Lima Menara karya A.Fuadi. Indikator perkara tersebut adalah ianya termasuk *National Best Seller*. Ianya dicetak pertama kali Jun tahun 2009 dan tahun 2012 sudah mencapai cetakan kelima belas, hatta telah difilemkan dan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, tentu masih ramai juga orang yang belum mengenal karya tersebut apalagi mengetahui visi utama pengarangnya.

Penerimaan masyarakat tidak terlepas dari keistimewaan yang dimilikinya antara lain, pertama, berdasarkan kisah benar yang merupakan pengalaman hidup pengarangnya sendiri, dan sudah tentu sebagai karya sastra, ianya mengalami pengembangan dan dihiasi unsur imaginasi. Kedua, bertemakan perjalanan hidup meraih cita-cita melalui jalur pendidikan. Ketiga, sarat dengan mesej dakwah yang dapat memotivasikan pembacanya, sehingga walaupun karya fiksyen namun ianya boleh dikategorikan sebagai buku motivasi. Keempat, untuk mendorong pembaca mengamalkan nilai-nilai murni, beliau banyak mengutip dan mengaplikasikan kata-kata hikmah seperti *man jadda wajada* (siapa yang bersungguh-sungguh akan berhasil), *i'malū fauka mā amilū* (bekerjalah melebihi apa yang orang lain lakukan), *man talaba al-^oulā sahira layāl*. (sesiapa yang mengharap keninggian darjat hendaklah menghidupkan malam), *Man ṣabara safira* (sesiapa yang sabar maka akan berjaya), dan ungkapan Imam Syafi'i tentang keutamaan merantau untuk menuntut ilmu "Orang berilmu dan beradab tidak akan diam di kampung halaman, tinggalkan negerimu dan merantaulah ke negeri orang, merantaulah, kau akan dapatkan pengganti dari kerabat dan kawan, berlelah-lelahlah, kerana manisnya hidup terasa setelah lelah berjuang."

Novel ini bercerita tentang perjalanan hidup seorang belia bernama Alif dari Maninjau, Sumatera Barat yang menuntut ilmu di Pondok Madani (PM) Ponorogo Jawa Timur. Para pelajar di pesantren tersebut datang dari pelbagai daerah

di Indonesia dari Sabang sampai Merauke. Alif kemudian menjalin persahabatan dengan lima orang kawannya dari daerah yang berbeza, Raja dari Medan, Atang dari Bandung, Dulmajid dari Madura, Said dari Surabaya dan Baso dari Gowa, Sulawesi Selatan. Setiap hari menjelang maghrib mereka duduk di bawah menara masjid sehingga kawan-kawan mereka memberikan gelaran sebagai *sahibul* menara. Melalui persahabatan itu pengarang memasukkan mesej dakwah ukhuwah. Meskipun mereka berbeza dari banyak hal seperti tingkat ekonomi, budaya, asal daerah, kelebihan, kegemaran bahkan organisasi keagamaan mereka, namun tidak menghalangi persahabatan mereka.

Apa yang mereka paparkan dalam novel tersebut merupakan bahagian daripada pengamalan ajaran Islam. Pengamalan Islam secara *kaffah*, menyeluruh tercermin pada dua dimensi iaitu hubungan vertikal kepada Allah S.W.T. dan horizontal keharmonisan kepada sesama manusia bahkan kepada alam semesta. Oleh itu, Islam menekankan untuk bermujahadah semampu yang mungkin untuk boleh memelihara dan sentiasa meningkatkan dua hubungan tersebut dari hari ke hari. Hubungan vertikal dijalin pada umumnya melalui ibadah-ibadah *mahdah* manakala hubungan sesama manusia dijalin melalui ibadah *ammah* dengan landasan *akhlākul karīmah*.

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti mesej utama yang pengarang ingin sampaikan kepada pembaca ketika bercerita dalam dimensi hubungan sesama manusia. Mengemukakan perkara tersebut memiliki signifikan dalam rangka menjadi masukan dalam menentukan strategi dakwah dalam pengelolaan mesej terutamanya yang menggunakan pendekatan seni, seperti pantun, cerpen, drama, dan lain-lain. Dengan menerapkan reka bentuk kajian analisis kandungan didapati bahawa beliau mengajak membina persaudaraan *ukhuwwah Islamiyah* tanpa melihat perbezaan mazhab, organisasi dan asal daerah. Demikian pula beliau menggambarkan dampak psikologi terhadap orang yang memutuskan tali persaudaraan. Diharapkan kajian ini membuka wawasan untuk mengkaji dimensi lain yang terdapat dalam novel tersebut seperti tasawuf, politik, budaya dan lain-lain.

DAKWAH SOSIAL: SEBUAH PRIORITI

Untuk boleh membawa umat mencapai Islam *kāffah*, materi dakwah mestilah berorientasikan pada dua perkara di atas (hubungan kepada Allah dan

keharmonian sesama manusia), serta didedahkan secara seimbang. Jika tidak demikian, akan boleh mengakibatkan kepada pengamalan Islam secara tidak seimbang pula, mengutamakan satu sisi dan melupakan sisi lainnya. Ketika dimensi vertikal mendapat perhatian lebih banyak, sedangkan hubungan horizontal keharmonian sesama manusia terabaikan maka dikhuatirkan akan melahirkan orang yang tekun beribadah tapi tidak mampu memelihara hubungan baiknya kepada sesama manusia. Tidak jarang terlihat dalam realiti kehidupan, seseorang yang tekun solat berjemaah tapi tidak mampu menjaga lidahnya untuk tidak menggunjing, atau seseorang yang sudah berkali-kali menunaikan ibadah haji dan umrah namun tidak peduli dengan penderitaan orang miskin dan anak yatim.

Islam mengajarkan konsep rahmat bagi semesta alam (*rahmatan lil-ālamīn*). Menurut Ahmad Ghālus, ibadah dalam Islam yang disyariatkan secara berulang-ulang bertujuan untuk membentuk akhlak yang mulia, dan menjauhi kerosakan. Solat misalnya bertujuan agar manusia terjauh dari perbuatan keji dan mungkar. Manakala ibadah zakat diharapkan menghantarkan pelakunya pada kesucian jiwa. Adapun puasa tujuan akhirnya membentuk insan yang bertakwa, dan ibadah haji untuk mencapai insan yang berkualiti jauh dari perbuatan sia-sia seperti perkataan yang tidak ada guna, bergaduh dan lain-lain (Ghālūs 1978: 27).

Personaliti yang diharapkan Islam adalah terwujudnya kedekatan kepada Allah S.W.T. dan pada masa yang sama terbinanya keharmonian sesama manusia. Jika perkara tersebut tidak tercapai, sangat dikhuatiri Islam hanya dipandang sebagai agama yang berdimensi teologi. Ianya seolah-olah tidak berpijak di bumi atau tidak mampu menjadi penyelesaian terhadap masalah isu-isu semasa yang dihadapi masyarakat moden masa kini. Akibatnya akan boleh ditinggalkan oleh penganutnya kerana merasa tidak perlu berIslam.

Menurut Amin Rais, agama apapun di muka bumi sekarang ini berhadapan dengan cabaran yang dinamakan “relevansi sosial”. Kalau ada satu agama kehilangan peranan dalam kehidupan sosial, maka pelan-pelan agama itu akan pudar. Mengapa agama Katolik di dunia Barat memudar? Kerana pengikutnya mengucapkan selamat tinggal kepada gereja, kerana ia tidak boleh menurunkan panduan-panduan dari agama Katolik itu sendiri untuk memecahkan masalah-masalah sosial kontemporari barat. Di Argentina, Mexico, Brazil, Nikaragua, dan negara Amerika Latin lainnya, sekarang ini para

pastor Katolik berlumba-lumba menawarkan teologi pembebasan. Mereka menyedari bahawa agama mereka akan ditinggalkan masyarakat kalau agama tidak boleh berbicara atau mengatasi masalah-masalah sosial ekonomi kontemporari (Amin Rais 1987: 61).

Untuk mendalami hal tersebut dimensi ajaran sosial atau muamalat Islam mesti diaplikasikan. Ianya berfungsi sebagai penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi masyarakat moden, termasuk masalah sosial dan isu-isu semasa. Dengan demikian, masyarakat merasakan secara nyata peranan agama dalam hidup mereka.

Menurut Jalaluddin Rakhmat, jika dibandingkan urusan ibadah ritual dan ibadah sosial dalam Al-Qur’an dan hadis, maka terlihat jelas bahawa aspek kehidupan sosial jauh lebih luas dan lebih banyak diberikan perhatian daripada ibadah ritual. Pendapat tersebut disokong dengan kenyataan: pertama, dalam Al-Qur’an atau kitab hadis, nisbah terbesar berkenaan dengan *muamalat*. Perbandingan antara ayat-ayat ibadah ritual dan ayat yang berkaitan kehidupan sosial adalah satu berbanding seratus. Untuk satu ayat ibadah ada seratus ayat *muamalat*. Boleh dibandingkan antara lain, tanda-tanda orang beriman yang terdapat dalam surat *al-Mukminun*. Kedua, adanya kenyataan bahawa bila urusan ibadah bersamaan waktunya dengan urusan *muamalat* yang penting, maka ibadah boleh ditangguhkan (bukan bermaksud ditinggalkan). Ketiga, ibadah yang berkaitan dengan kemasyarakatan diberi ganjaran lebih besar daripada ibadah yang bersifat perseorangan. Kerana itu, solat jemaah lebih tinggi nilainya daripada solat *munfarid*. Kerana di dalamnya mengandungi dimensi sosial, seperti ajaran silaturahmi, saling bertukar khabar, menumbuhkan kepekaan sosial dan sebagainya. Keempat, bila urusan ibadah dilakukan tidak sempurna atau batal kerana melanggar larangan tertentu, maka *kifaratnya* (tebusannya) ialah melakukan sesuatu yang berhubungan dengan muamalat. Contoh, bila puasa tidak mampu dilakukan maka *fidyah* mesti dibayar. Sebaliknya, bila orang tidak baik dalam urusan sosial, ibadah tidak boleh menutupinya. Seseorang yang merampas hak orang lain tidak boleh menghapus dosanya dengan *tahajud* atau dengan *zikir*. Kelima, melakukan amal baik dalam bidang kemasyarakatan mendapat ganjaran lebih besar daripada ibadah sunat, seperti mana dalam hadis: “Mahukah kamu aku beritahu darjat yang lebih baik daripada solat, puasa dan sedekah (sahabat menjawab tentu) iaitu mendamaikan dua pihak yang berseteru (Jalaluddin Rakhmat 1997: 37-38).

Ketika ditunjukkan signifikan ibadah sosial tidaklah berarti mengabaikan dimensi-dimensi lain seperti solat, puasa, haji dan ibadah-ibadah lainnya, tetapi bagaimana menempatkan ajaran sosial Islam pada perkadaran yang tepat. Demikian pula untuk tidak menjadikan umat Islam terbius atau sangat puas dengan kesolehan peribadinya, hanya kerana telah menekuni solat, puasa, haji, dan zikir, sedangkan ibadah *muamalat*, ajaran sosial atau pelbagai isu sosial umat yang terbentang di depan mata justeru terabaikan.

KAJIAN NOVEL

Pengarang Novel Negeri Lima Menara menabur mesej *ukhuwah* dalam pelbagai alur, di antaranya, diceritakan bahawa sebagai pelajar baharu mesti menyiapkan pelbagai keperluan sama ada kelengkapan proses pembelajaran seperti buku, kamus, mushaf, mahupun untuk keperluan di bilik seperti tempat pakaian, tilam dan lain-lain. Untuk memenuhi keperluan itu Alif dan kawan-kawan berangkat ke koperasi Pondok. Pada saat itu Alif melihat satu buku tebal. Pengarang mendeskripsikan:

“Di sebelah lain ada tumpukan buku yang lebar-lebar dan tebal, uniknyanya semua halamannya berwarna kuning. Tampak sekilas seperti buku lama. Tapi sampulnya tampak baru sungguh indah, berwarna maroon dengan kelim-kelim keemasan mengelilingi judulnya yang berbahasa Arab. Kembali tanpa diminta Raja menjelaskan panjang lebar.

Eh kalian tahu enggak, inilah buku yang melihat Hukum Islam dengan sangat luas. Buku *Bidāyatul Mujtahid* yang ditulis ilmuwan terkenal Ibnu Rusyd¹ atau Averrous, cendekiawan berasal dari Sepanyol. Isinya adalah fikih Islam dilihat dari berbagai mazhab tanpa ada paksaan untuk ikut salah satu mazhab. Saya tahu PM membebaskan kita memilih.”

(A. Fuadi 2012: 60)

Secara tersirat pengarang menjelaskan kepada pembaca bahawa Pondok Madani tidak menganut mazhab tertentu untuk diterapkan secara serentak bagi seluruh pelajarannya. Dalam pengamalan ajaran Islam para pelajar akan disuguhkan dengan pelbagai pendapat dari pelbagai mazhab kemudian diserahkan secara bebas untuk mengamalkan sesuai dengan keyakinan mereka.

Mesej yang terkandung dalam bahagian ini cukup dalam. Bahawa perbezaan pengamalan ajaran agama tidak mesti membuatkan umat

Islam bertegang leher saling menyalahkan, saling membid'ahkan, merasa pendapatnya sahaja benar dan apa yang diamalkannya itulah satu-satunya amalan yang diterima. Perbezaan pendapat dan pengamalan ajaran agama sesuatu yang sah sahaja dalam Islam.

Dalam konteks perbezaan kefahaman, al-Qur'an memberikan petunjuk agar tetap memelihara *ukhuwah*. Al-Qur'an menggariskan bahawa perbezaan adalah hukum yang berlaku dalam kehidupan ini. Selain perbezaan tersebut merupakan kehendak Ilahi, juga demi kelestarian hidup. Sekaligus demi mencapai tujuan kehidupan makhluk di pentas bumi. Menurut M. Quraish Shihab perbezaan dengan perselisihan mesti dibezakan. Perbezaan mesti disantuni menjadi sumber kekayaan intelektual serta jalan keluar bagi kesulitan yang dihadapi. Keragaman dan perbezaan boleh menjadi rahmat selama dialog dengan syarat-syaratnya dipenuhi, namun boleh menjadi bencana jika ianya mengarah untuk perselisihan dan menganggap diri atau kelompoknya mengungguli kebenaran, sedangkan selain diri atau kelompoknya berada di jalan yang salah (M. Quraish Shihab 2007:28). Allah S.W.T. berfirman (Al-Qur'an, al-Maidah 5: 48).

Seandainya Tuhan menghendaki kesatuan pendapat, nescaya diciptakan manusia tanpa akal budi seperti binatang, atau benda-benda tidak bernyawa yang tidak memiliki kemampuan untuk memilih dan menilai, kerana hanya dengan demikian seluruhnya akan menjadi satu pendapat. Keyakinan bagi umat Islam kesemua ini adalah ketentuan-Nya, maka pasti ada hikmah di sebalik perbezaan yang beragam itu (M. Quraish Shihab 2001: 491).

Senada dengan hal tersebut, pengarang menggambarkan bahawa Pondok Madani adalah lembaga pendidikan yang tidak terikat pada organisasi keagamaan tertentu. Sehingga para ibu bapa dari pelbagai latar belakang organisasi keagamaan yang berbeza mengirim anak-anak mereka untuk dididik di Pesantren tersebut.

Keragaman latar belakang ibubapa para pelajar ditunjukkan melalui plot ketika tiba masa bercuti. Sebahagian besar pelajar pulang kampung termasuk *sahibul* menara, kecuali Baso dan Alif. Mereka berdua pada awalnya memilih untuk tetap tinggal di asrama. Tapi atas jemputan Atang, akhirnya mereka sama-sama ke Bandung dengan menggunakan kereta ayah Atang (Pak Yunus). Pengarang kemudian mendeskripsikan bahawa ayah Atang seorang aktivis sebuah organisasi keagamaan.

Pak Yunus adalah pegawai Pemuda Bandung dan aktif di Muhammadiyah², kaca depan rumahnya menempel sebuah stiker hijau dengan gambar matahari di tengahnya. “Dari mulai saya sudah aktif di pengurus cabang Muhammadiyah,” kata pak Yunus (A. Fuadi 2012: 218).

Lebih lanjut dikisahkan, Said mengetahui bahwa Baso dan Alif bercuti di Bandung, maka dia pun menjemput keduanya untuk ke Surabaya. Setelah sampai di rumah Said, pengarang menggambarkan kondisi rumah Said dengan tujuan menunjukkan kalau latar belakang Said adalah dari organisasi keagamaan yang berbeza dengan Atang.

Rumah Said bertingkat dan furniturnya terbuat dari kayu kokoh yang dipelitur hitam. “Ini kayu jati,” kata Said waktu aku tanya. Dinding rumahnya penuh lukisan kaligrafi, foto-foto keluarga dan silsilah keluarga seperti pokok besar, ujung bawahnya keluarga Jufri, dan ujung atasnya Nabi Muhammad. Juga ada sebuah kalender besar bertuliskan Pengurus Nahdhatul Ulama³ Jawa Timur, berdampingan dengan sebuah piagam yang diterbitkan oleh PBNU (Pengurus Besar Nahdhatul Ulama) untuk Said atas sokongan dan sumbangan besarnya buat pembangunan sekolah NU di Sidoarjo.

(A. Fuadi 2012: 224).

Gambaran senada ditunjukkan pengarang melalui ucapan watak Said yang menceritakan aktiviti selama bercuti.

“Aku juga sudah tiga kali ceramah, dua kali di masjid dan satu di Kantor Fatayat NU,” kata Said menimpali cerita kami ceramah di Unpad.

(A. Fuadi 2012: 224).

Kutipan plot cerita di atas menunjukkan dengan jelas bahawa ayah Atang adalah pengurus Muhammadiyah, manakala ayah Said adalah aktivis Nahdhatul Ulama. Biasanya anutan ibubapa akan diikuti oleh anak-anak mereka. Novel ini ingin berbahagi bahawa perbezaan organisasi atau faham agama sekalipun tidak mesti menghalang terjalannya suatu persahabatan.

Gambaran ini, merupakan suatu cadangan yang amat berharga agar sebuah lembaga Pendidikan Islam idealnya menyesuaikan semua latar belakang faham keagamaan, sehingga terwujud ukhuwah Islamiah bersilang mazhab. Namun kalau sebaliknya ianya hanya untuk mazhab tertentu, maka boleh jadi *output* yang dilahirkan mengukuhkan fanatisme mazhab yang seterusnya merapuhkan persaudaraan.

Sisi lain persaudaraan yang ditunjukkan pengarang adalah persahabatan Alif dan 5 orang

kawan-kawannya yang masing-masing berbeza asal daerah. Sedemikian dekatnya persahabatan mereka sehingga satu dengan lainnya sudah saling kenal perwatakan, demikian pula mereka saling mengetahui kelebihan dan kekurangan terhadap mata pelajaran. Oleh itu, mereka sering bekerjasama mengatasi masalah yang mereka hadapi. Digambarkan misalnya Baso sangat kuat menghafal tapi pembacaannya lemah, manakala Alif lemah hafalan namun sangat senang belajar Bahasa Inggeris. Pengarang menceritakan:

“Tersingkap sudah cacat utama Baso: bahasa Inggerisnya, dia membaca bahasa Inggeris seperti membaca Al-Qur’an, lengkap dengan tajwid, dengung dan qalqalah. Mungkin ini bermula dari betapa cintanya dia dengan Al-Qur’an.”

Sadar dengan kelemahan masing-masing, aku dan Baso sepakat untuk melakukan *simbiosis mutualisme*. Dia memastikan hapalanku benar, manakala aku memastikan bahasa Inggerisnya bebas dari tajwid. Setiap malam Senin dan malam Kamis, kami memastikan tilam lipat kami saling berdekatan. Aku mulai mengeja hafalan *mahfuzhat* untuk besok dalam gelap-gelap itu dia berbisik berkali-kali mengoreksi hapalanku. Kalau besok ada Bahasa Inggeris, giliranku yang menyimak *reading*-nya.

(A. Fuadi 2012:118).

Melalui plot dan penggambaran tersebut pengarang menunjukkan salah satu hikmah persaudaraan atau persahabatan ialah munculnya saling tolong-menolong. Faktor penunjang lahirnya persaudaraan dalam erti luas ataupun sempit adalah persamaan. Semakin banyak persamaan semakin kukuh pula persaudaraan. Persamaan rasa dan cita rasa merupakan faktor dominan yang mendahului lahirnya persaudaraan hakiki, dan pada akhirnya menjadikan seseorang merasakan derita saudaranya, menghulurkan tangan sebelum diminta, serta memperlakukan saudaranya bukan atas dasar “*take and give*” tetapi justeru seperti yang digambarkan Allah dalam firmanNya: (Al-Qur’an, al-Hasyr 59: 9).

Ayat tersebut berbicara dalam konteks menyanjung kebaikan kaum Ansar terhadap para Muhajirin. Kesanggupan mengutamakan kepentingan orang lain dari kepentingan diri sendiri yang berada dalam kesempatan itu merupakan satu kemuncak akhlak yang amat tinggi yang telah dicapai oleh orang Ansar. Ini adalah gambaran yang amat gemilang yang melukiskan hakikat orang mukmin yang wujud, di samping menggambarkan

satu contoh yang paling tinggi dan luhur bagi umat manusia (Sayyid Qutb 1971: 3526).

Pada bahagian ini pula pengarang secara tidak langsung memberikan petunjuk bagaimana idealnya seseorang mencari sahabat terutamanya pada remaja. Kawan yang baik akan memberikan motivasi meniru kebajikannya⁴ demikian pula sebaliknya, sahabat jahat akan mengiring kawannya mengikuti langkahnya bahkan ini lebih kuat pengaruhnya. Ada banyak remaja kadang-kadang melakukan perbuatan jenayah hanya kerana terpengaruh dari kawannya.⁵

Persahabatan yang ditunjukkan pengarang dalam novel adalah persahabatan lintas budaya dan lintas daerah. Ini sesuatu yang menarik dan istimewa. Pada umumnya seseorang mencari kawan satu dengan yang lainnya terbatas pada sesama suku, bahasa atau daerah asal. Indonesia sebagai negara kepulauan memiliki lebih dari 300 suku dan 700 dialek bahasa, tapi persahabatan mereka meruntuhkan sekat-sekat itu. Di antara mereka tidak ada yang melihat dirinya lebih mulia kerana asal daerahnya atau sukunya. Bahkan mereka saling mengakui kehebatan masing-masing dari prestasi yang mereka raih. Persahabatan mereka sebagai aplikasi firman Allah: (Al-Qur'an, al-Hujurat 49:13).

Menurut Sayyid Qutb, Allah menciptakan manusia dengan pelbagai bangsa dan suku itu bukanlah supaya mereka bergaduh dan berseteru antara satu sama lain, malah supaya boleh berkenalan-kenalan dan bermesra antara satu sama lain. Perbezaan bahasa dan warna kulit, tabiat dan akhlak, kebolehan dan bakat-bakat adalah perkara yang tidak seharusnya membawa kepada pergaduhan dan perbalahan, malah perbezaan-perbezaan itu sewajarnya membawa kepada tolong-menolong dan kerja sama yang erat untuk melaksanakan tugas kemanusiaan dan melengkapkan pelbagai keperluan umat manusia. Warna kulit, bangsa, bahasa, negara dan sebagainya tidak mempunyai sebarang nilai dalam neraca Allah, kerana di sana hanya neraca takwa sahaja merupakan satu-satunya neraca yang menentukan nilai dan kelebihan manusia (Sayyid Qutb 1971: 537). Siti Rugayah Tibek menjelaskan bahawa manusia memiliki dorongan untuk sentiasa hidup bermasyarakat, dan ianya sebagai salah satu ciri *al-Nafs al-Insaniyah*. Mereka memiliki kecenderungan untuk berkasih sayang dan hidup bersama untuk membangun kehidupan. Oleh itu tujuan Allah menciptakan manusia terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum, lelaki dan wanita tidak lain untuk menghasilkan perkenalan dan kemesraan (Siti Rugayah Tibek 2006: 45).

Nurcholish Madjid memahami ayat tersebut sebagai penegasan bahawa memandang darjat manusia bukan berdasarkan orientasi prestij seperti keturunan, daerah, warna kulit, dan segala sesuatu yang bersifat *ascription* atau penisbahan. Sebaliknya, kerana ada penegasan, sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu ialah orang yang paling bertakwa, maka kalau manusia harus diukur tinggi rendahnya, semestinya dengan pertimbangan apa yang telah diraih dan diperbuat. Dalam jargon sosiologi, disebut sebagai *achievement*. Kita diajar untuk menerapkan *achievement orientation*, orientasi penghargaan berdasarkan hasil kerja orang (Nurcholish Madjid 2000: 73).

Oleh itu, prinsip yang memandang kemuliaan manusia berdasarkan ketakwaan dalam ayat di atas sudah sehati dalam kehidupan umat Islam. Secara objektif umat Islamlah yang paling terlatih untuk melihat ukuran martabat kemanusiaan tidak ditentukan penisbahan. Kisah dalam al-Qur'an memberitakan, dosa makhluk yang pertama ialah *rasialisme*. Yakni ketika iblis menolak perintah Allah untuk sujud kepada Adam dengan alasan bahawa ia lebih baik daripada Adam. Kerana ia diciptakan dari api manakala Adam dari tanah. Serta merta iblis merasa bahawa penciptaannya dari api lebih tinggi daripada penciptaan dari tanah. Padahal asal penciptaan ini bukan pilihan dia sendiri, melainkan pilihan dari Allah S.W.T.

Oleh yang demikian itu, Allah S.W.T. menuntun manusia untuk memperbanyak karya yang menjadi penilaian dalam pandangan-Nya. Sebagaimana firman Allah (Al-Qur'an, an-Najm 53: 38-41).

Menurut Mustafa Al-Marāghi, bahawa sepertimana dosa seseorang tidak dibebankan kepada orang lain maka demikian pula pahala seseorang hanya mendapat pahala dari apa yang telah dikerjakannya. Yang membezakan balasan pahala digandakan sampai mencapai tujuh ratus kali ganda, manakala dosa dibalas setimpal dengan apa yang dilakukannya, bahkan Allah S.W.T. boleh mengampuninya. Setiap balasan tersebut diumumkan kepada seluruh manusia sebagai penghormatan kepada pelaku kebaikan dan penghinaan kepada pelaku kemaksiatan (al-Marāghi t.t.: 66).

Pada bahagian lain mesej persaudaraan ditunjukkan pengarang ketika Alif menerima nasihat dari ibunya kerana telah bergaduh dengan kawan sepermainannya. Pada waktu itu Alif masih duduk di sekolah rendah.

“Apakah kawan-kawan yang main dan berkelahi tadi orang Islam?” Tanya Amak lembut. Aku mengangguk sambil memajukan bibirku, merengut.

“Apa perintah Nabi kita kepada sesama muslim?”

“Memberi salam.”

“Yang lain?”

“Tersenyum.”

“Yang lain?”

“Bersaudara.”

“Nah, bersaudara itu berkawan, tidak berkelahi, saling menyayangi. Itu perintah Nabi kita. Mau ikut Nabi?”

“Mau.”

“Jadi harus bagaimana ke kawan-kawan?” kali ini Amak bertanya sambil tersenyum damai.

“Bersaudara dan tidak berkelahi,” kataku.

“Itu baru anak amak dan umat Nabi Muhammad,” katanya sambil merengkuh kepalaku dan menyuruh mandi.

(A. Fuadi 2012: 137-138).

Dialog di atas mengandungi mesej aturan normatif bagaimana umat Islam dalam bergaul khususnya sesama umat Islam, seperti menebarkan salam, senyum ketika berjumpa, bersaudara dan tidak memutuskan tali silaturahmi. Mesej utamanya jangan sampai umat Islam memutuskan tali silaturahmi, sebab ianya adalah suatu kekuatan. Dalam pengamalan ibadah banyak contoh yang boleh dijadikan sebagai pengikat tali silaturahmi, di antaranya melalui ibadah solat berjemaah. Syeikh Yusuf al-Qaradhawi menasihatkan:

Masjid mengajar persaudaraan. Setiap hari umat Islam saling berjumpa di masjid, badan saling bersentuhan, tangan saling berjabatan, wajah saling mengenal, hati saling bertaut, dan masing-masing saling menanyakan satu sama lain. Mereka berdiri di belakang satu imam, menghadap satu kiblat, beriman pada satu Tuhan, beriman pada satu rasul, membaca satu kitab, menunaikan satu perbuatan dan membulatkan satu ucapan dengan satu niat. Apa gerangan dampak dari semua ini? Membawa kita pada persaudaraan dan keterikatan hati satu sama lain.

(Syeikh Khalid al-Sa’ad 2003: 12).

Oleh yang demikian itu, tidak ada lagi saling menyakiti, sebab semuanya telah menjadi satu sehingga tercerminlah Muslim yang sebenarnya. Seperti gambaran Rasulullah s.a.w.

المسلم من سلم المسلمون من لسانه ويده

Hadis ini bermaksud orang Muslim sejati tidak akan menyakiti orang lain sama ada melalui perkataan mahupun perbuatan (al-Muslim: 23). Dapat pula difahami dari hadis ini bahawa langkah pertama dalam membina persaudaraan bukannya memberi sesuatu yang bermanfaat, tetapi yang lebih penting adalah terlebih dahulu menghindari terjadinya sesuatu yang negatif terhadap orang lain. Ini yang diistilahkan oleh ulama (السلام السليبي) damai pasif, setelah itu ia meningkat ke (السلام الإيجابي) lalu mencapai puncaknya dengan ihsan (M. Quraish Shihab 2011: 247).

Seorang Muslim menyandang sifat damai, paling tidak, jika dia benar-benar tidak dapat memberi manfaat kepada selainnya, maka jangan sampai mencelakakannya; kalau dia tidak memberi, maka paling tidak dia tidak mengambil hak orang lain; kalau dia tidak dapat menggembirakan pihak lain, maka paling tidak, dia tidak meresahkannya; kalau dia tidak dapat memujinya, maka paling tidak, tidak mencelanya.

Ketika seseorang telah merajut persaudaraan satu dengan yang lainnya, maka bias dari persaudaraan akan mereka tuai bersama. Konsep dalam Islam sesiapa yang melakukan kebaikan maka dampaknya untuk pelaku kebaikan itu sendiri. Dalam silaturahmi ada dua hal yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. beliau bersabda:

من أحب أن ييسط له في رزقه وينسأ له في أثره

فليصل رحمه

Siapa yang senang diperluas rezekinya dan diperpanjang umurnya, maka hendaklah dia bersilaturahmi (al-Bukhari 2002: 387).

Berpanjangan usia itu dapat difahami bukan sahaja dalam erti kelanjutan nama baik setelah kematian, atau keberkatan hari-hari kewujudan di pentas bumi ini melalui keberhasilan memanfaatkan waktu sebaik mungkin, tetapi juga penambahan bilangan hari-hari kewujudan di pentas bumi ini, demikian juga perolehan tambahan rezeki, bukan sekadar keberkatannya, tetapi juga perolehan dan penambahannya secara material. Silaturahmi yang menghasilkan hubungan harmonis itu mencegah timbulnya stress yang merupakan salah satu penyebab kematian. Ia melahirkan ketenangan dan ketenangan merupakan syarat bagi kecerahan fikiran untuk lebih fokus dalam pekerjaan, dan ini dapat melipatgandakan hasil produksi. Di sisi lain, dengan terjalannya hubungan harmonis maka akan semakin banyak peluang kerja sama dalam pelbagai hal, dan

ini pada gilirannya mengundang rezeki material dan spiritual. Semakin terbuka peluang untuk saling memberi manfaat (M. Quraish Shihab 2011: 244).

Mesej persaudaraan lain adalah ketika menceritakan pencetus atau sebab klimaks konflik dalam novel ini. Ianya terjadi ketika Alif ingin pulang kampung sebelum pendidikannya selesai, keputusan diambil kerana dia bercita-cita melanjutkan pelajaran di Institut Teknologi Bandung (ITB). Perkara yang menyebabkan timbulnya keinginan itu kerana kawan sepermainannya, Randai, mengkhabarkan melalui surat kalau dia sudah diterima di ITB. Setelah membaca surat itu, Alif merasa kalah kemudian mengalami goncangan hidup. Hal ini boleh ditebak oleh pembaca kalau dalam diri Alif ada bibit iri hati.

“Alif, syukur *alhamdulillah*, aku telah diterima di Teknik Mesin, ITB, persis yang aku harapkan, sekolahnya Bung Karno dan Pak Habibie.”

Aku hentikan membaca sampai di situ. Aku lipat surat ini. Lalu aku panjatkan syukur kepada Allah atas karuniaNya ini kepada Randai. Sebagai kawan, aku senang kawanku melihat mimpinya jadi kenyataan. Tapi jantungku berdenyut aneh. Dan sekam yang tidak pernah pudar dalam 3 tahun ini akhirnya meletik-letik dan menyala jadi api. Ada iri yang merontaronta di dadaku. Semua yang didapat Randai adalah mimpiku juga. Mahasiswa ITB dan bercita-cita jadi Habibie. Kini kawanku mendapatkan semuanya kontan. Sedangkan aku masih harus mengangsur 1 tahun lagi sebagai murid kelas 6 di PM.

Batinku perang. Dari sepucuk surat, kegelisahan di dalaman hati ini menjalar ke permukaan dan cepat mempengaruhi semesta pikiranku.”

(A. Fuadi 2012: 310-311).

Peristiwa ini boleh dijadikan mesej bahawa persaudaraan boleh menimbulkan ketenangan, kedamaian dan semangat kerja. Manakala sebaliknya perpecahan, bahkan walau masih berbentuk bibit (iri hati) akan menimbulkan reaksi negatif, mendatangkan kegelisahan, ketidaktenangan⁶. Penyakit iri hati kalau tidak cepat diubati lambat laun akan tampak di permukaan, boleh jadi berbentuk *ghibah*, caci maki, dan lebih daripada itu.

Selain persaudaraan dengan kawan perkara yang tidak dilupakan pengarang iaitu mesej berbuat baik kepada ibubapa. Hal ini disampaikan melalui watak Kiyai Rais demikian pula melalui watak Baso, seperti alur cerita berikut:

Di suatu petang, di acara syarahan rutin Kiai Rais di depan seluruh penduduk PM, beliau dengan

lemah lembut berbicara kepada kami.

“Tahukah kalian *birrul walidain*? Artinya berbakti kepada orangtua. Mereka berdua adalah tempat pengabdian penting kalian di dunia. Jangan pernah menyebutkan kata kasar dan menyebabkan mereka berduka. Selama mereka tidak membawa kepada kekafiran, wajib bagi kalian untuk patuh.

Seorang pernah bertanya urutan orang yang harus dihormati dan dihargai, Rasulullah menjawab “Ibumu”, dia bertanya lagi “Kemudian, siapa?” Beliau menjawab “Ibumu.” Dia bertanya lagi, “Kemudian siapa?” Beliau menjawab, “Ayahmu”. Jadi ibu punya posisi yang lebih tinggi lagi daripada ayah, kerana itu beruntunglah kalian yang masih punya orang tua, kerana pintu pengabdian itu terbuka lebar. Bayangkan bagaimana susahnya dulu kalian dikandung dan dibesarkan sampai seperti sekarang. Bagi yang punya orang tua, pergunakan kesempatan sekarang ini untuk membalas budi, gembirkan mereka, beri kabar mereka, surati mereka, anjur Kiai Rais kepada kami”.

(A. Fuadi 2012:142).

Adapun melalui watak Baso, diceritakan bahawa Baso tiba-tiba ingin pulang ke Sulawesi kerana neneknya sakit dan tidak ada yang merawatnya. Sekaligus dengan pulangnya dia berniat menyelesaikan hafalan Qur’an yang selalu menjadi obsesinya. Hafalan al-Qur’an diniatkan sebagai hadiah buat ibubapanya yang telah meninggal dunia.

“Kalian tahu Aku sudah habis-habisan mencoba menghafal Al-Qur’an. Sudah selama ini, aku baru hapal 10 Juz, atau sekitar 2000 ayat. Aku ingin semuanya, lebih dari 6000 ayat. Tahukah kalian, ada sebuah hadis yang mengajarkan bahawa kalau seorang anak menghafal Al-Qur’an, maka orangtuanya akan mendapat jubah kemuliaan di akhirat nanti. Keselamatan akhirat buat orang tuaku...” Dia berhenti. Kalau tadi (----)akhirnya luruh. Menyisakan jejak basah di pipinya.

“Hanya hapalan.... hanya hapalan Al-Qur’an inilah yang boleh aku berikan untuk membalas kebaikan mereka kepadaku. Aku ingin mereka punya jubah kemuliaan di depan Allah nanti”.

(A. Fuadi 2012: 362).

Bahagian cerita ini boleh menjadi nasihat sama ada ibubapa mahupun anak. Mesej untuk seorang anak ialah membuat dia berfikir supaya boleh meneladani watak Baso, membahagiakan ibu bapanya walaupun sudah di alam yang berbeza. Manakala buat para ibu bapa, menjadi motivasi

supaya berikhtiar semaksimum mungkin agar boleh melahirkan dan mencetak anak berwatak seperti Baso. Untuk mencetak anak soleh memerlukan mujahadah besar, itulah sebabnya ibu bapa yang berjaya menelurkan anak soleh akan menjadi amal jariah baginya.

KESIMPULAN

Rasulullah s.a.w. berjaya dalam hidupnya menunaikan semua tugas yang diamanahkan kepadanya, beliau berjaya dalam dakwah, memimpin keluarga, perniagaan, memimpin peperangan, membangun peradaban dan lain-lain. Salah satu kunci kejayaan beliau kerana membina hubungan ukhawah dengan orang lain yang berada di sekitarnya, sama ada keluarganya, sahabatnya dan bahkan dengan orang yang memusuhinya. Sebagai pengikut beliau perkara tersebut perlu diteladani kerana setiap orang menginginkan kejayaan dalam hidupnya.

Novel Negeri Lima Menara menunjukkan salah satu model konkrit bagaimana mewujudkan persaudaraan dalam kehidupan sehari-hari. Salah satu perkara yang lebih awal difahami adalah bahawa sudah menjadi *sunnatullah* manusia diciptakan tidak seragam melainkan beraneka ragam, bukan sahaja perbezaan penampilan fizikal, tetapi juga tamadun dan pola berfikir. Kesemua itu menuntut kebesaran jiwa untuk menerima dan tetap selesa menerima perbezaan itu.

Bagi orang bijak keanekaragaman justeru dianggap sebagai potensi untuk di jadinya sebagai ladang amal. A. Fuadi menunjukkan 6 orang bersahabat dengan potensi yang berbeza dan mereka bekerjasama, saling bantu-membantu untuk menampung apa yang menjadi kekurangan masing-masing. Demikian pula sebaliknya bagi yang mengabaikan persaudaraan akan mengalami penderitaan kerana ianya merupakan keperluan manusia secara fitrah. Manusia adalah makhluk sosial tidak akan mampu bertahan hidup tanpa bantuan orang lain. Dan keperluan itu bukan sahaja berbentuk fizik tetapi juga jiwa seperti keperluan untuk berkongsi, mendengar nasihat, saling kunjung-mengunjungi dan lain-lain.

NOTA

¹ Ibnu Rusyd atau nama lengkapnya Abu Walid Muhammad Ibnu Ahmad, lahir di Cordova pada tahun 1126 Masihi

dan meninggal tahun 1198 Masihi. Beliau ahli falsafah yang paling agung pernah dilahirkan dalam sejarah Islam. Pengaruhnya bukan sahaja berkembang luas di dunia Islam, tetapi juga di kalangan masyarakat di Eropah. Di Barat beliau dikenal sebagai Averroes. Karyanya yang terkenal Bidayat al-Mujtahid, Kulliyat fi at-Tib, Fasl al- Maqal fi man Bain al-hikmat wa al- Shariat; http://alhakelantan.tripod.com/tokoh/id_11.html (23-5-2013).

² Organisasi Muhammadiyah didirikan oleh K.H. Ahmad Dahlan di Kampung Kauman, Yogyakarta pada 18 November 1912 (8 Dzulhijjah 1330 H). Ia adalah sebuah organisasi Islam yang besar di Indonesia. Nama organisasi ini diambil dari nama Nabi Muhammad s.a.w., sehingga Muhammadiyah juga dapat dikenal sebagai orang-orang yang menjadi pengikut Nabi Muhammad s.a.w. Tujuan utama Muhammadiyah adalah mengembalikan seluruh penyimpangan yang terjadi dalam proses dakwah. Penyimpangan ini sering menyebabkan ajaran Islam bercampur-baur dengan kebiasaan di daerah tertentu dengan alasan adaptasi.

Gerakan Muhammadiyah berciri semangat membangun tata sosial dan pendidikan masyarakat yang lebih maju dan terdidik. Menampilkan ajaran Islam bukan sekadar agama yang bersifat peribadi dan statik, tetapi dinamis dan berkedudukan sebagai sistem kehidupan manusia dalam segala aspeknya. Akan tetapi, ia juga menampilkan kecenderungan untuk melakukan perbuatan yang ekstrem. Dalam pembentukannya, Muhammadiyah banyak menukilkan kepada perintah-perintah Al-Qur'an, di antaranya surat Ali Imrān ayat 104 yang berbunyi: Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar; merekalah orang-orang yang beruntung. Ayat tersebut, menurut para tokoh Muhammadiyah, mengandung isyarat untuk bergeraknya umat dalam menjalankan dakwah Islam secara berorganisasi, umat yang bergerak, yang juga mengandung penegasan tentang hidup berorganisasi. Maka dalam butir ke-6 Muqaddimah Anggaran Dasar Muhammadiyah dinyatakan, melancarkan amal-usaha dan perjuangan dengan ketertiban organisasi, yang mengandung makna pentingnya organisasi sebagai alat gerakan yang niscaya. <http://id.wikipedia.org/wiki/Muhammadiyah> (12 Jun 2013).

³ Nahdhatul 'Ulama (Kebangkitan 'Ulama atau Kebangkitan Cendekiawan Islam), diakronim NU, adalah sebuah organisasi Islam besar di Indonesia. Organisasi ini berdiri pada 31 Januari 1926 dan bergerak di bidang pendidikan, sosial, dan ekonomi. NU menganut faham Ahlussunah wal Jama'ah, sebuah pola pemikiran yang mengambil jalan tengah antara ekstrem aqli (rasionalis) dengan kaum ekstrem naqli (literalis). Kerana itu sumber pemikiran bagi NU tidak hanya Al-Qur'an, sunnah, tetapi juga menggunakan kemampuan akal ditambah dengan realiti empirikal. Cara berfikir semacam itu dirujuk dari pemikir terdahulu seperti Abu Hasan Al-Asy'ari dan Abu Mansur Al-Maturidi dalam bidang teologi. Kemudian dalam bidang fiqh lebih cenderung mengikuti mazhab: Imam Shafi'i dan mengakui tiga mazhab yang lain: Imam Hanafi, Imam Maliki, dan Imam Hanbali sepertimana yang tergambar dalam lambang NU berbintang 4 di bawah.

Sementara dalam bidang tasawuf, mengembangkan metode Al-Ghazali dan Junaid Al-Baghdadi, yang mengintegrasikan antara tasawuf dengan syariat. http://id.wikipedia.org/w/index.php?title=Nahdlatul_Ulama&oldid=6870864 (12 Jun 2013).

- 4 Imam Al-Ghazali (1980) mengajarkan hendaknya rakan yang dipilih itu mestilah mempunyai beberapa sifat dan kelakuan yang istimewa, yang menyebabkan anda memilihnya untuk jadikan rakan atau sahabat. Kesimpulannya, hendaklah sahabat itu seorang yang waras fikiran, baik budi pekerti, tidak fasik, dan tidak terlampau mementingkan hal-hal keduniaan. Beliau menjelaskan lebih rinci alasan-alasan tersebut: 1. Waras pemikiran itu menjadi modal atau pokok dalam kehidupan, kerana tidak ada gunanya membuat sahabat pada orang kurang akalnya, sebab yang demikian itu akan membawa kepada perasaan tidak tenteram dan perselisihan, sekalipun persahabatan itu berjalan begitu lama. 2. Budi pekerti yang luhur, tidak ada gunanya bersahabat dengan orang yang sering dikuasai oleh perasaan marah, suka dipengaruhi oleh nafsu syahwat, atau orang bersifat kikir dan pengecut, atau orang yang selalu menuturkan segala hawa nafsunya yang buruk itu. 3. Fasik, apabila tetap dengan kefasikannya, tidak mahu bertaubat dan tidak mengindahkan nasihat orang yang mengajak supaya mengubah sikapnya, maka orang ini juga tidak ada faedah untuk bersahabat dengannya. Malah melihat kelakuannya sahaja akan mendorong jiwa kepada perkara-perkara maksiat, serta memadamkan rasa benci kepada maksiat yang sudah dipunyai oleh hati. Begitu pula biasanya, orang yang tiada takut kepada Allah, tidak dapat dipercayai persahabatannya dan tidak dapat ditolak kecurangannya, bahkan biasanya ia memang suka bertukar-tukar sikap dengan pertukaran dan pendirian. 4. Terlampau mementingkan dunia. Berkawan dengan orang seperti itu adalah semacam kalau minum racun yang membinasakan, beliau menjelaskan bahawa tabiat manusia itu sentiasa terpengaruh untuk meniru-niru dan mengikut sikap kawan.

- 5 Sebab-sebab remaja mulai mengambil dadah iaitu; 1. Perasaan ingin tahu 44.0 %, 2. Melaporkan masalah yang dihadapi 16.4%. 3. Pengaruh rakan sebaya 12%, 4. Membantu pembelajaran 12%, 5. Lebih memahami diri sendiri 6.0%, 6. Berseronok 4.4%, 7. Inginkan kebebasan 1.0%, 8. Mencuba sesuatu yang berbeza 0.4% (Asmah Bee Mohd Noor & Iran Herman 1995).

- 6 Para sahabat sedang berkumpul bersama Rasulullah s.a.w. Tiba-tiba Rasulullah s.a.w. berkata, "Sebentar lagi akan muncul di depan kalian seorang penghuni syurga!" Tidak lama kemudian tampaklah seorang laki-laki Anshar, janggutnya basah dengan air wudhu. Ia mengepit sandal ditangan kirinya. Esoknya, Nabi berkata seperti itu, dan sekali lagi muncul orang yang sama. Begitulah peristiwa itu berulang sampai tiga kali. Pada kali yang ketiga, setelah Rasulullah s.a.w. meninggalkan tempat, Abdullah bin Amr menyusul orang itu. Ia berkata, "Aku bertengkar dengan bapakku. Aku bersumpah tidak akan datang ke rumah bapakku selama tiga hari. Maukah Anda menerimaku sampai waktu itu berlalu?" Orang itu menjawab, "Tentu sahaja".

Selama tiga hari, Abdullah tinggal bersama orang itu. Ia tidak melihat orang itu bangun pada malam hari, kecuali ketika membalikkan tubuhnya ia membaca zikir dan takbir. Ia bangun menjelang subuh. Abdullah berkata, "Setelah

berlalu tiga malam, aku hampir-hampir meremehkan amalannya. Aku berkata terus terang kepadanya: Wahai hamba Allah, sebetulnya aku tidak bergaduh dengan ayahku. Ayahku tidak marah dan aku tidak menjauhinya. Tetapi, Aku mendengar Rasulullah s.a.w. berkata tiga kali, "Akan muncul salah seorang penghuni syurga." Sesudah itu, tiga kali Anda muncul. Aku ingin mengetahui amal Anda, mudah-mudahan aku dapat menirunya. Aku melihat Anda tidak melakukan amal-amal yang luar biasa. Jadi, sebetulnya apa amal yang anda lakukan sehingga Anda sampai kepada apa yang dikatakan Rasulullah s.a.w.?"

Orang itu berkata, "Aku tidak lebih dari apa yang telah Anda lihat." Ketika Abdullah sudah membelakanginya. Ia memanggilnya lagi. Ia berkata, "Aku memang tidak lebih daripada apa yang Anda lihat. Hanya sahaja aku tidak pernah menyimpan niat jelak, kebencian, atau dengki terhadap kebaikan yang telah diberikan Allah kepada orang Islam yang lain." Kata Abdullah, "Itulah yang menyebabkan Anda sampai pada kedudukan Anda. Tetapi, itu juga tidak mampu aku lakukan" (Jalaluddin Rakhmat 2012: 65).

RUJUKAN

- Al-Qur'an.
- A. Fuadi. 2012. *Negeri Lima Menara*. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Umum.
- al-Bukhāri. 2002. *Sahih al-Bukhāri*. kitab Iman, Germani: al-Jam'iyah al-Maktabah al-Islāmiyah.
- al-Marāghy Ahmad Mustāfa. t.t. *Tafsir al-Marāgh*. Bairut: Dāru al-Fikr.
- al-Muslim. 2002. *Sahih Muslim*. Nombor Hadith. 64. German: al-Jam'iyah al-Maktabah al-Islāmiyah.
- al-Sa'ad Syaikh Khālid. 2003. *Kumpulan Ceramah Pilihan Shaikh Al-Qaradhāwi*. Terj. Khalifurrahman Fath. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- Amin Rais. 1987. *Cakrawala Islam; Cita dan Fakta*. Bandung: Mizan.
- Asmah Bee Mohd Noor & Iran Herman. 1995. *Membina Kesejahteraan Remaja*. Selangor: Tekno Edar.
- Ghalūs Ahmad. 1978. *al-Da'wah al-Islāmiyah Usuluhā wa wasāiluhā*. Kairo: Dār al-Kitaāb al Misry.
- Ghazali Imam. 1980. *Bimbingan Mukmin*. (Penterjemah Syed Ahmad Semait). Singapura: Pustaka Nasional Singapura. http://id.wikipedia.org/w/index.php?title=Nahdlatul_Ulama&oldid=6870864» Kategori <http://id.wikipedia.org/wiki/Muhammadiyah>
- Jalaluddin Rakhmat. 1999. *Islam Alternatif*. Bandung: Mizan.
- Mohd Faizal Musa. 2012. *Wacana Sastera Islam di Malaysia dan Indonesia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- M. Quraish Shihab. 2001. *Membumikan Al-Qur'an jilid 2 Memfungsikan Wahyu dalam Kehidupan*, Jakarta: Lentera Hati.
- M. Quraish Shihab. 2007. *Sunnah-Syiah Bergandengan Tangan Mungkinkah? Kajian Atas Konsep Ajaran Dan Pemikiran*. Jakarta: Lentera Hati.
- Nurcholish Madjid. 2000. *Pesan Pesan Taqwa*. Jakarta: Paramadina.
- Rosmawaati Mohammad Rasit. 2011 Film as a Medium of Communicatin for Da'wah: Analysis of religious elements in selected Maly films. *Islamiyat* 33: 67-76.

- Sayyid Qutb. 1971. *Fī Zilālī al-Qur'ān* Juz 26. Bairut: Ahyāu al-Turāb al-ʿAraby.
- Siti Rugayah Hj. Tibek. 2006. *Al-Nafs menurut Al-Qur'an*. Dlm. Farizah Md. Sham (pnyt.). *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2012. Wanita sebagai objek seks: Penanganannya dalam novel *Bila Hujan Malam*. GEMA Online™ *Journal of Language Studies* 12(2): 539-553.

Muhammad Salman Palewai
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: salman_palewai@yahoo.co.uk

Siti Rugayah Hj. Tibek, Ph.D.
Profesor
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: gay@ukm.edu.my

Fariza Md. Sham
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: farisham@ukm.edu.my

Zulkefli Aini
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: zulaini@ukm.edu.my

